

# Sebab tiada wakil Terengganu, Kelantan dalam kabinet

33

UM 11.12.99

Oleh JOHARDY IBRAHIM

PUTRAJAYA 10 Dis. — Ketiadaan wakil Terengganu dan Kelantan dalam susunan baru kabinet adalah disebabkan kerusi Dewan Negara untuk pelantikan senator sudah penuh, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, pihaknya memang memikirkan tentang Terengganu dan Kelantan.

“Untuk menjadikan mereka

ahli dalam kerajaan, mereka perlu menjadi ahli Dewan Negara.

“Malangnya tidak ada kekosongan sebab itu kita perlu tunggu sehingga ada kekosongan. Di waktu itu, kita akan timbang melantik mereka sebagai senator sebelum menjadi anggota kerajaan,” katanya pada sidang akhbar mengumumkan susunan baru kabinet di sini hari ini.

Perdana Menteri sebelum itu ditanya mengenai tiadanya wakil dari kedua-dua negeri di Pantai Timur tersebut yang kini di bawah pemerintahan kerajaan Pas.

Terdahulu Dr. Mahathir turut ditanya mengenai desas-desus pasaran mengatakan Pengerusi Perhubungan UMNO Kelantan, Tengku Razaleigh akan diberikan jawatan menteri.

“Kita telah mempertimbangkan kriteria mereka yang dilantik sebagai menteri dan jika seseorang tidak memenuhi kriteria tersebut, tentulah kita tidak boleh melantiknya tanpa mengira siapa dia,” katanya.

Mengenai hanya dua wanita dilantik sebagai menteri berbanding tiga orang sebelum ini, Dr.

Mahathir berkata, BN telah mencari calon wanita yang sesuai, menepati kehendak parti dan tugas-tugas sesuatu kementerian.

“Malangnya, kami tidak menemui calon sesuai. Jika boleh saya mahu melantik lebih daripada tiga menteri wanita,” kata beliau.

Ditanya lebih lanjut mengapa pemilihan itu sukar walaupun terdapat 20 wanita yang dipilih menjadi ahli Parlimen BN, beliau berkata: “Walaupun mereka ramai, mereka tidak menepati kriteria asal parti, latar belakang pribadi perlu dipertimbangkan.”